

# DAP dianggap bukan parti untuk Melayu

PULAU PINANG 20 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, DAP bukanlah sebuah parti untuk orang Melayu kerana ia sehingga kini mempunyai pandangan perkauman Cina yang amat sempit.

"Tetapi jika ada orang Melayu yang sanggup terima untuk diperalatkan, itu tak tabulah," kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada sidang akhbar selepas mempe- ngerusikan mesyuarat Kabinet di Hotel Equatorial di sini hari ini.

Beliau telah diminta memberi pandangannya mengenai kewujudan apa yang dipanggil DAP Melayu di Pulau Pinang dan terhadap dakwaan bahawa terdapat lebih kurang 11,000 orang Melayu di negeri ini telah menjadi ahli parti pembangkang itu.

Perdana Menteri berkata, walaupun DAP telah lama sanggup menerima

orang Melayu untuk menjadi ahlinya tetapi tidak ramai orang Melayu yang berminat.

"Dia (DAP) perkauman dalam pandangannya. DAP cuba cungkil dan bangkitkan pendidikan Cina. Itupun kalau ada orang Melayu yang berminat menyertainya kita tidak boleh halang," katanya.

## Petanda

Ditanya sama ada kewujudan DAP Melayu di negeri ini adalah petanda perubahan sentimen di kalangan orang Melayu negeri ini terhadap UMNO, beliau berkata:

"Saya harap orang Melayu dapat pertolongan daripada DAP untuk menyelesaikan masalah mereka. Kalau DAP boleh tolong dia, masuklah DAP."

Sementara itu, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, calon-calon Melayu

ternyata diperalatkan kerana mereka hanya muncul ketika musim pilihan raya sahaja. "Mereka (calon-calon DAP Melayu) tidak ada rekod perkhidmatan kepada rakyat dan cuba mencari kesempatan di musim pilihanraya sahaja.

"DAP mungkin boleh meletakkan lebih ramai calon Melayu di kawasan Melayu...soalnya bolehkah mereka menang dan diterima oleh orang-orang Melayu sendiri," tegasnya.

Walau bagaimanapun katanya, Gerakan akan tetap memberi perhatian dan mengikuti perkembangan politik negeri ini khususnya mengenai kewujudan DAP Melayu.

Mengenai projek Tanjung III, Keng Yaik menyifatkan rancangan itu sebagai 'mimpi yang tidak akan menjadi kenyataan.'

Sebaliknya kata beliau, jika Tanjung III menjadi kenyataan ia adalah

'mimpi ngeri' bagi penduduk-penduduk Pulau Pinang yang telah menikmati kemakmuran ekonomi sejak berpuluh-puluh tahun dulu.

## Ekonomi

Katanya, kemakmuran hidup dan ekonomi yang dikecapi oleh penduduk negeri ini sekarang adalah hasil hubungan erat dengan Kerajaan Pusat. "Penduduk negeri ini perlu mengambil iktibar apa yang berlaku di Kelantan dan Sabah sebelum ini di mana kemakmuran yang dikecapi bertukar menjadi sebaliknya kerana diperintah oleh parti pembangkang," katanya.

Keng Yaik berkata, Gerakan telah bersiap sedia dengan apa sahaja isu yang bakal dibawa oleh DAP pada pilihanraya akan datang.